

# Pengetahuan protokol perlu bagi setiap pelajar

## ► Memberi imej positif terhadap pelajar

UB 28.11.2012 B4

**S**ERAMAI 30 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menghadiri Kursus Protokol dan Etiket Sosial Siri II 2012, kelmarin.

Kursus sehari yang diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Tingkat 11 itu dikendalikan oleh Penolong Pendaftar, Bahagian Perhubungan Korporat (BPK), UMS, Hayati Salleh Baihaki.

Menurut Penyelaras Program, Norhana Nordin, pengurusan dan pelaksanaan majlis dengan sempurna bukan sahaja akan mencapai matlamat dan objektifnya, tetapi juga dapat mengelakkan pembaziran masa, kos dan tenaga.

Katanya, ianya turut memberi gambaran positif bukan sahaja terhadap organisasi dan penganjur, malahan terhadap individu yang terbabit.

"Kursus Protokol dan Etiket itu memberi pendedahan kepada pelajar UMS-KAL tentang perancangan dan pelaksanaan majlis mengikut protokol," katanya.

Norhana berkata, terdapat empat objektif kursus berkenaan iaitu memberi pengetahuan dan kemahiran asas dalam pengurusan majlis dan asas protokol majlis yang diadakan di UMS-KAL khasnya.

Katanya, ianya juga mengenalpasti perkara-perkara utama dalam pengurusan majlis dan mempelajari teori dan amali menguruskan majlis serta kemahiran protokol, etika serta etikat dan komunikasi.

"Kursus Protokol untuk mengenalpasti kesilapan

“Kursus Protokol untuk mengenalpasti kesilapan yang sering berlaku semasa mengurus dan mengendalikan majlis terutama yang diadakan di UMS-KAL. Selain itu, peserta kursus turut diberi pendedahan mengenai penampilan diri dengan masyarakat, semasa menghadiri temuduga dan majlis rasmi yang dianjurkan jabatan dan agensi kerajaan termasuk UMS.”

### HAYATI SALLEH BAIHAKI

Penolong Pendaftar, Bahagian Perhubungan Korporat UMS



**HAYATI (tiga kanan) bergambar kenangan bersama peserta Kursus Protokol dan Etiket anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMS.**

yang sering berlaku semasa mengurus dan mengendalikan majlis terutama yang diadakan di UMS-KAL," katanya.

Sementara itu, Hayati berkata peserta kursus diberi pendedahan mengenai penampilan diri dengan masyarakat, semasa menghadiri temuduga dan majlis rasmi yang dianjurkan jabatan dan agensi kerajaan termasuk UMS.

Hayati juga berharap pelajar akan memastikan ketrampilan diri termasuk

perhiasan dan dandanan yang sesuai dengan majlis, pakaian yang tidak menjolok mata dan penampilan diri ketika berhadapan dengan tetamu.

Beliau turut menasihatkan pelajar supaya sentiasa merujuk kepada pegawai yang berkenaan sebelum mengadakan sebarang program bagi mengelak kejadian yang tidak diingini berlaku.

"Pelajar juga tidak boleh berurusan sendiri dengan pihak media tetapi perlu memaklumkan kepada

pihak berkuasa terutama Bahagian Perhubungan Korporat atau Bahagian Hal Ehwal Pelajar," katanya.

Kursus itu dianjurkan Unit Aktiviti dan Latihan Pelajar, Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS Kota Kinabalu dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMS-KAL.

Turut membantu kelancaran kursus itu ialah kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Faridah Samsudin, Norizal Jumat dan Erman Mohd Kadrila.